



## **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

### **KENYATAAN MEDIA**

# **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) DIBERI TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBANTU MENYELESAIKAN ISU PENGURUSAN MAYAT WARGA TEMPATAN SELAIN ISLAM DI PUSAT SEHENTI SEMENTARA HOSPITAL KUALA LUMPUR (PUSARA HKL)**

---

7 Ogos 2021, Putrajaya – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah diberi tanggungjawab untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menyelesaikan isu pengurusan mayat warga tempatan selain Islam di Pusat Sehenti Sementara, Hospital Kuala Lumpur (PUSARA HKL). YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, pada 5 Ogos 2021 telah turun untuk meninjau sendiri situasi di PUSARA HKL.

2. Hasil tinjauan dan maklumbalas yang diterima, terdapat beberapa isu yang dikenalpasti menjadi punca kelewatan pengurusan mayat di PUSARA HKL. Antaranya ialah keupayaan kewangan untuk membayar kos perkhidmatan pengurusan mayat, khususnya dari kalangan B40 dan kekurangan sumber manusia untuk menguruskan mayat termasuk urusan penyelarasan dengan waris.

3. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berhubung proses pengurusan mayat di PUSARA HKL, Kementerian telah mengadakan mesyuarat dengan Pusat Krematorium swasta, Persatuan Perkuburan Cina dan India serta Pengendali Perkhidmatan Pengurusan Mayat.

4. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyediakan bantuan kewangan sejumlah RM1 juta di PUSARA HKL iaitu RM500,000 di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) bagi pengurusan mayat selain Islam kaum India dan RM500,000 di bawah Program Pembangunan Kampung Baru bagi pengurusan

mayat selain Islam kaum Cina. Bantuan kewangan ini adalah untuk meringankan beban kewangan waris B40.

5. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) turut menjalinkan kerjasama dengan dua (2) Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu *Malaysian Society for Disaster Victim Identification* (MSDVI) dan Yayasan Prihatin Wilayah (PRIVO) melibatkan 60 orang sukarelawan bagi membantu melicinkan urusan logistik di pihak PUSARA HKL.

6. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique berharap melalui inisiatif yang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) serta *Malaysian Society for Disaster Victim Identification* (MSDVI) dan Yayasan Prihatin Wilayah (PRIVO) ini akan dapat membantu PUSARA HKL dalam pengurusan mayat warga tempatan selain Islam yang berada di dalam penyimpanan bilik mayat.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

7 Ogos 2021

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041      Fax +603 8888 8568 / 569

Email: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK. 1009/1/8 (78)